

Selasa, 9 Julai 2019 | 12:28pm



GAMBAR fail, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail. - Foto Hafiz Sohaimi

Kes tipu pakej pelancongan tinggi

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman
bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Sebanyak 1,057 kes tuntutan penipuan pakej pelancongan dibawa ke Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TPPM) membabitkan jumlah tuntutan RM6.6 juta sejak 2016 hingga 31 Mei lalu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata daripada jumlah tuntutan itu, sebanyak RM3 juta sudah dianugerahkan kepada pihak penuntut dalam tempoh sama.

"Pihak syarikat yang menawarkan pakej pelancongan itu harus patuh dalam tempoh 14 hari dari tarikh 'award' dikeluarkan atau diserahkan," katanya.

Beliau menjawab soalan Akmal Nasrullah Mohd Nasir (PH-Johor Bahru) mengenai keberkesanan TPPM dalam membantu rakyat bagi kes penipuan seperti pakej pelancongan.

Tribunal yang ditubuhkan sejak 15 November 1999 bertujuan menyediakan saluran alternatif kepada pengguna, untuk menuntut hak secara tebus rugi dan menyelesaikan pertikaian dengan cara lebih mudah.

Saifuddin berkata bagi tempoh lima bulan pertama tahun ini pula, tuntutan tebus rugi terhadap perkhidmatan agensi pelancongan mencatat jumlah pemfailan tertinggi membabitkan 202 kes selain pengubahsuaian rumah (196 kes), pemberian kenderaan (112 kes) dan pendidikan (102 kes).

Katanya, sejumlah RM1.7 juta 'award' dikeluarkan TPPM bagi tuntutan terhadap semua perkhidmatan berkenaan.

Menjawab soalan tambahan Datuk Seri Ahmad Maslan (BN-Pontian) mengenai keperluan badan bukan kerajaan (NGO) dan pihak peguam bagi membantu pengguna dalam membuat tuntutan di Tribunal, Saifuddin Nasution berkata bantuan berkenaan dilihat lebih diperlukan selepas 'award' dikeluarkan oleh Tribunal.

"Apabila sesuatu award diberikan, pihak pengguna kena mendaftar keputusan Tribunal di mahkamah, barulah keputusan itu boleh dilaksanakan.

